



## KENYATAAN MEDIA

### LAWATAN KERJA RASMI YB DATUK AARON AGO DAGANG, MENTERI PERPADUAN NEGARA KE NEGERI SABAH

**26 Januari 2023, KOTA KINABALU**— Sesi lawatan kerja rasmi YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ke Negeri Sabah telah berlangsung hari ini dan merupakan sesi lawatan kerja kali keenam YB Menteri bersama warga Kementerian selepas Sarawak, Perlis, Melaka, Negeri Sembilan dan W.P. Labuan.

2. YB Menteri telah memulakan sesi lawatan dengan membuat tinjauan ke Kebun Komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Sembulan Baru. Inisiatif Kebun Komuniti merupakan satu bentuk kolaborasi strategik antara Kementerian Perpaduan Negara bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebagaimana Nota Kerjasama yang telah ditandatangani bersama pada tahun 2022.
3. Objektif utama projek Kebun Komuniti KRT adalah untuk mempertingkatkan hasil pertanian peringkat komuniti di samping menjana pendapatan bagi memperkasa ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Kini, terdapat 113 projek Kebun Komuniti KRT di seluruh negara. Projek Kebun Komuniti KRT di Kampung Sembulan ini telah diusahakan sejak Mac 2022 dengan menggunakan kaedah penanaman secara hidroponik dan *polybag* fertigasi yang dibekalkan oleh Jabatan Pertanian Sabah. Antara tanaman utama di projek kebun komuniti ini adalah daun salad, cili, terung, timun dan tomato. Projek ini juga telah merangkul anugerah Johan Kebun Komuniti Pertanian Dalam Bandar Peringkat Daerah Kota Kinabalu Tahun 2022.
4. Sesi lawatan kerja ini kemudian diteruskan lagi ke Program Komuniti Rahmah Malaysia Madani yang menyasarkan bantuan kepada 100 penerima daripada komuniti B40 daerah Kota Kinabalu. Matlamat utama penganjuran program ini adalah dalam menyediakan pek RT Cares Rahmah dalam bentuk bantuan asas makanan kepada golongan rentan yang memerlukan demi meningkatkan kesejahteraan komuniti dengan meringankan beban kos sara hidup yang menghimpit mereka.

5. Seterusnya YB Menteri telah menghadiri Majlis Perjumpaan dan Amanat bersama warga Kementerian dan agensi Negeri Sabah. Majlis ini telah berlangsung di Putera Ballroom, Bukit Padang, Kota Kinabalu. Datuk Aaron dalam ucapannya menerangkan peranan Kementerian dalam menjayakan Malaysia MADANI. Kementerian sedang giat merancang pelan tindakan dan pelaksanaan program bagi menyemarakkan semangat perpaduan dan meningkatkan kesedaran rakyat berbilang kaum tentang kepelbagaian dan betapa pentingnya perpaduan bagi membentuk sebuah negara yang harmoni, sejahtera dan stabil.

6. “Tonggak Dasar MADANI yang ke-2 dan ke-4 iaitu Kesejahteraan dan Hormat sangat berkait rapat dengan peranan Kementerian. Kesejahteraan difahami sebagai suatu kehidupan yang baik dan sering dikaitkan dengan kedudukan kewangan yang stabil serta rasa selesa dan selamat. Hormat pula merupakan satu nilai yang menjadi asas untuk diamalkan khususnya dalam masyarakat yang mempunyai kepelbagaian agama, adat dan budaya bagi memastikan kehidupan yang harmoni.” ucap Datuk Aaron dalam majlis tersebut.

7. Siri lawatan kerja YB Menteri kali ini diakhiri dengan penyampaian plak bagi program Citarasa Menu KAMI (CMK) di Fook Yuen Cafe. Konsep sajian utama di kafe ini adalah menu tempatan yang digemari oleh pengunjung pelbagai kaum. Premis ini merupakan penerima plak CMK ke 13 sejak program ini dilancarkan. Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi mencungkil tapak integrasi baharu yang dapat menyatupadukan masyarakat majmuk menerusi platform makanan atau tagline “foodunites”. Kepelbagaian makanan rentas etnik ini merupakan salah satu agen yang dapat membuka ruang untuk rakyat duduk bersama dalam suasana harmoni.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

27 Januari 2023

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media**

Unit Komunikasi Korporat,  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569  
E-mail: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (166)